

# 3 IPTA anjur Program Rentas Budaya

**Kangar:** Buat julung kalinya tiga institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menerusi Pusat Kebudayaan masing-masing bergabung menjayakan Program Rentas Budaya dengan pengisian pelbagai aktiviti kebudayaan.

IPTA berkenaan ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selaku pengajian utama bersama-sama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan berkunjung ke Kampung Ujung Bukit, Perlis.

Pengarah Pusat Kebudayaan UPSI, Dr Ridzuan Hussin, berkata pelbagai aktiviti menjadikan pengisian program termasuk khidmat masyarakat bersama

dengan penduduk kampung, lawatan ke unit teknikal Pusat Kebudayaan dan aktiviti seni persembahan kebudayaan tiga IPTA berkenaan.

"Aktiviti khidmat masyarakat diadakan di sekitar kampung dan menariknya, peserta berpeluang melawat keunikan inap desa yang dibina sejak 2003 dengan seni bina berasaskan kayu tradisional.

"Pada sebelah malamnya, persembahan kebudayaan bertemakan Malam Citra Budaya gabungan mahasiswa tiga IPTA dipersembahkan kepada penduduk kampung." katanya.

## Persembahan menarik

Katanya, setiap universiti membuat persembahan kebudayaan masing-masing

seperti nyanyian dan persembahan tarian tradisional.

"Kehadiran dua mahasiswa UPSI dari Korea Selatan iaitu Yu Ji Yeong dan Lee Yu Jin yang menyanyikan lagu 'Nobody' versi Korea menggemarkan persembahan malam itu apabila mendapat tepukan gemuruh penonton.

"Kami juga menerima undangan UUM yang mempelawa menyertai program kebudayaan ke Thailand yang dijangka berlangsung pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata, program sama dijangka diadakan di selatan tanah air pada penghujung tahun ini dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).



**Peserta** bersama-sama Pengerusi Jawatankuasa Kampung (JKKK), Kampung Ujung Bukit, Halim Jalib (berkopiah) serta Dr Ridzuan.